



**TAWARAN PELAWAAN SEBAGAI PENULIS PAKEJ BUKU TEKS KURIKULUM  
STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) (SEMAKAN) TAHUN 5 DAN KURIKULUM  
STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM) TINGKATAN 5 UNTUK KEGUNAAN MULAI  
TAHUN 2021 MELALUI BENGKEL PENATARAN PENULISAN BUKU TEKS DAN UJIAN  
KELAYAKAN PENULIS BUKU TEKS**

Tawaran dibuka kepada calon-calon penulis yang berkebolehan, berpengalaman, berkelayakan dan mempunyai kepakaran serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi penulisan buku teks mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan) Tahun 5 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 5 untuk kegunaan mulai tahun 2021.

Calon-calon penulis yang berminat dipelawa untuk menghadiri Bengkel Penataran Penulisan Buku Teks dan Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks yang akan diadakan pada **12-13 Julai 2019** di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Mata pelajaran KSSR (Semakan) Tahun 5 dan mata pelajaran KSSM Tingkatan 5 yang terlibat adalah seperti yang berikut:

**KSSR**

- Bahasa Melayu Tahun 5 SK
- Bahasa Melayu Tahun 5 SJK
- Sains Tahun 5 SK
- Matematik Tahun 5 SK
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 5 SK
- Bahasa Arab Tahun 5
- Pendidikan Islam Tahun 5
- Pendidikan Moral Tahun 5 SK
- Sejarah Tahun 5 SK
- Reka Bentuk dan Teknologi Tahun 5 SK
- Pendidikan Muzik Tahun 5 SK
- Pendidikan Seni Visual Tahun 5 SK

**KSSM**

- Bahasa Melayu Tingkatan 5
- Sejarah Tingkatan 5
- Pendidikan Islam Tingkatan 5
- Pendidikan Moral Tingkatan 5

## **Syarat Permohonan untuk Menyertai Bengkel Penataran, Ujian Kelayakan Penulisan Buku Teks dan Dilantik sebagai Calon Penulis Buku Teks**

1. Peserta yang ingin menyertai bengkel penataran ini hendaklah warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 60 tahun. Peserta perlu mendaftar secara dalam talian melalui laman web Akademi DBP di <http://www.akademi.dbp.my>
2. Peserta sekurang-kurangnya mempunyai sijil, diploma, ijazah dalam mata pelajaran dan bidang berkenaan. Salinan sijil akademik yang disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional perlu disertakan sebagai bukti kelulusan akademik.
3. Peserta perlu menguasai hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran berkenaan.
4. Peserta sebaik-baiknya mempunyai pengalaman menulis. Salinan kulit buku, hasil penulisan atau bukti yang berkaitan yang disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional perlulah disertakan sebagai bukti.
5. Peserta mestilah berkemampuan dan berkeupayaan menyediakan tugas/bahan contoh dalam masa yang ditetapkan.
6. Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak layak untuk menyertai bengkel penataran ini.
7. DBP berhak menggugurkan peserta yang dipilih sekiranya didapati melakukan sebarang bentuk penipuan yang berkaitan dengan permohonan.
8. Peserta mestilah melengkapkan borang penyertaan dan borang biodata dan perlu ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau majikan sebagai bukti memperoleh kebenaran daripada majikan.
9. Peserta yang telah terpilih untuk menyertai bengkel penataran ini perlu mengikuti bengkel sepenuh masa dan secara automatik layak menduduki Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks.
10. Bagi mereka yang ingin menduduki Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks wajib mendaftarkan diri sebagai peserta Bengkel Penataran Penulisan Buku Teks.
11. Keputusan Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks adalah muktamad dan sulit.
12. Setelah peserta berjaya dicalonkan sebagai panel penulis buku teks selepas melepasi tahap Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks, **penulis mestilah:**
  - a. **bukanlah daripada pasangan suami isteri** bagi mata pelajaran yang sama atau berlainan mata pelajaran.
  - b. sanggup serta berkemampuan dan berkeupayaan melaksanakan tugas penulisan dalam masa yang ditetapkan.
  - c. sanggup memberikan kerjasama dan komitmen bagi menjayakan penulisan dan penerbitan buku teks dan **boleh bekerja sebagai satu pasukan.**

- d. tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak majikan untuk menghadiri taklimat/bengkel/mesyuarat yang dilaksanakan oleh DBP. Penulis yang tidak hadir bengkel/mesyuarat boleh digugurkan daripada program penulisan ini.
  - e. menanggung kos bagi menghadiri taklimat, mesyuarat atau bengkel yang berkaitan melainkan diputuskan sebaliknya oleh DBP.
13. Calon penulis yang dipilih akan tertakluk kepada peraturan, jadual serta arahan daripada pihak DBP dan BSTP, KPM dari semasa ke semasa.
  14. Ganjaran penulisan akan diputuskan oleh Mesyuarat Pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka.
  15. Penulis yang berjaya dikehendaki menandatangani borang Pelantikan dan Pengakuan Kerja antara Penulis dengan Dewan Bahasa dan Pustaka sebaik sahaja ditawarkan kerja tersebut.
  16. Calon penulis yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi. Manakala, calon penulis yang tidak mendapat pemakluman dalam tempoh sebulan selepas tarikh 14 Ogos 2019 adalah tidak berjaya.
  17. Keputusan penawaran ini adalah muktamad. Walau bagaimanapun, penawaran ini tertakluk pada dasar perolehan DBP serta KPM.

### Cara Memohon

1. Permohonan hendaklah dibuat secara individu dengan mengisi borang penyertaan yang dilampirkan. Setiap peserta dikehendaki menyerahkan borang penyertaan dan borang biodata sebelum atau pada tarikh tutup, iaitu **4 Julai 2019** dengan bukti pembayaran kepada:

Encik Ruslan bin Abdull Raffar,  
Bahagian Buku Sekolah,  
Aras 8, Menara DBP,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Tel.: 03-21479505/  
012-3772739  
E-mel: arruslan@dbp.gov.my

Puan Mariati Josepha binti  
Mustafa,  
Bahagian Buku Sekolah,  
Aras 8, Menara DBP,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Tel.: 03-21479572/  
019-2807978  
E-mel: mariati@dbp.gov.my

Puan Rosmani binti Omar,  
Bahagian Buku Sekolah,  
Aras 9, Menara DBP,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Tel.: 03-21479573/  
013-3845149  
E-mel: ros\_omar@dbp.gov.my

2. Bayaran bengkel sebanyak **RM150.00** dikenakan kepada setiap peserta yang ingin menyertai bengkel penataran ini. Bayaran tersebut meliputi nota bengkel, makan minum dan sijil penyertaan. Urusan tempat penginapan perlu diuruskan oleh peserta sendiri. Walau bagaimanapun, pihak urus setia boleh memberikan maklumat tentang tempat penginapan yang terhampir. Bayaran boleh dilunaskan melalui akaun bank **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** bernombor akaun **14023010018002**.

3. Peserta dikehendaki hadir ke Bengkel Penataran Buku Teks dan Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks yang akan diadakan seperti butiran yang berikut:

Lokasi	Tarikh
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	12 - 13 Julai 2019

4. Peserta bengkel penataran ini wajib menduduki Ujian Kelayakan Penulis Buku Teks sebagai syarat pemilihan penulis buku teks kegunaan mulai tahun 2021. Ujian bertulis akan diadakan pada **hari terakhir bengkel penataran**.
5. Editor mata pelajaran yang terlibat dalam bengkel penataran ini adalah seperti yang berikut:

BIL.	MATA PELAJARAN	EDITOR	NO. TELEFON	E-MEL
1.	Bahasa Melayu Tingkatan 5	Hazimah binti Yusof Norma binti Sanid	03-21479745 03-21479732	hazimah@dbp.gov.my norma@dbp.gov.my
2.	Sejarah Tingkatan 5	Rohaida binti Baharudin Nor Baizura binti Ibrahim	03-21479542 03-21479579	rohaida@dbp.gov.my baizura@dbp.gov.my
3.	Pendidikan Islam Tingkatan 5	Zawinnajah binti Md Kaslan Azizah binti Ahmad	03-21479548 03-21479557	zawin@dbp.gov.my zah@dbp.gov.my
4.	Pendidikan Moral Tingkatan 5	Azihani binti Md Mizan Nor Azita binti Umar	03-21479551 03-21479584	azihani@dbp.gov.my n_azita@dbp.gov.my
5.	Bahasa Melayu Tahun 5 SK	Zaidah binti Ahmad Rosly Noor Roza binti Hassan	03-21479571 03-21479561	zaidahar@dbp.gov.my nroza@dbp.gov.my
6.	Bahasa Melayu Tahun 5 SJK	Fazilah binti Mohamedeni Muhammad Hisham bin Haliah	03-21479541 03-21479737	fazilah@dbp.gov.my hisyam@dbp.gov.my
7.	Matematik Tahun 5 SK	Ainol Rafezah binti Alias Asmahanim binti Ab Rahman	03-21479576 03-21479747	ainil@dbp.gov.my asmahanim@dbp.gov.my
8.	Sains Tahun 5 SK	Mohd Faizal bin Rus Szerli Nurdiana binti Mohd Nor	03-21479442 03-21479560	faizal@dbp.gov.my nurdiana@dbp.gov.my
9.	Pendidikan Islam Tahun 5	Roosnita binti Md. Yusof Wan Mohammad Afifi bin Wan Zainudin	03-21479552 03-21479580	roosnita@dbp.gov.my afifi@dbp.gov.my
10.	Bahasa Arab Tahun 5	Zaida binti Ahmad Sufi Noryani binti Supian	03-21479578 03-21479750	zaida@dbp.gov.my sufinoryani@dbp.gov.my
11.	Sejarah Tahun 5 SK	Md. Shukuri bin Hamzah Nada Haifaa binti Remlle	03-21479553 03-21479731	syukuri@dbp.gov.my nada.haifaa@dbp.gov.my
12.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 5 SK	Hamidah binti Ahmad Nurul Shaheza binti Zamri	03-21479581 03-21479574	midah_a@dbp.gov.my shaheza@dbp.gov.my
13.	Pendidikan Muzik Tahun 5 SK	Ana Suhana binti Zainuddin Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman	03-21479549 03-21479730	a_suhana@dbp.gov.my ku.nurul@dbp.gov.my

<b>BIL.</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>EDITOR</b>	<b>NO. TELEFON</b>	<b>E-MEL</b>
14.	Pendidikan Seni Visual Tahun 5 SK	Baharin bin Aiyob	03-21479547	baharin@dbp.gov.my
15.	Pendidikan Moral Tahun 5 SK	Mohd Hadi bin Roslan Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman	03-21479569 03-21479462	hadi@dbp.gov.my muhaimi@dbp.gov.my
16.	Reka Bentuk dan Teknologi Tahun 5 SK	Siti Hanim binti Yunus Muhammad Faiz bin Mohamad Ali	03-21479582 03-21479577	shanim@dbp.gov.my faiz@dbp.gov.my